



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA STATSDIGITAL : INOVASI PENDIGITALAN STATISTIK NEGARA

---

SHAH ALAM, 27 OKTOBER 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia telah melancarkan kiosk Statsdigital di Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. Pelancaran ini telah disempurnakan oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin yang turut dihadiri oleh pengurusan tertinggi UiTM, Pensyarah dan juga mahasiswa / mahasiswi UiTM dari Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Matematik.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “StatsDigital merupakan satu projek melestarikan penerbitan Jabatan Perangkaan Malaysia sebagai khazanah warisan negara. StatsDigital ini telah mentransformasikan penerbitan dan laporan berbentuk fizikal kepada bentuk digital dan dipadukan bersama dataset yang boleh dicapai oleh semua peringkat pengguna melalui portal *StatsDigital* yang boleh diakses di pautan <https://statsdigital.stats.gov.my/>.

Menurut beliau lagi, “Pengguna luar DOSM termasuk warga akademik UiTM, boleh mendapatkan salinan penerbitan secara *digital* samada penerbitan *historical* seawal tahun 1891 hinggalah penerbitan terkini. Sejumlah 3,181 buah penerbitan disimpan melalui platform berpusat StatsDigital. Inisiatif pendigitalan penerbitan ini dicetuskan apabila terdapat penerbitan terdahulu yang hanya mempunyai dokumen secara fizikal. Situasi ini dikhuatiri sekiranya penerbitan dan data lampau ini akan hilang dan sukar untuk diakses oleh pengguna luar malahan warga DOSM sendiri”.

Mengulas lebih lanjut mengenai StatsDigital, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, “Pada tahun 2022, projek StatsDigital ini telah ditambah baik melibatkan penambahan modul baharu iaitu Modul Penerbitan Lain dan *General Purpose For*

*Other Publish.* Modul ini memfokuskan kepada menerbitkan Penerbitan DOSM dalam bentuk digital dan dilengkapi dengan teknologi *auto flipbook* bagi memudahkan pengguna untuk mengakses penerbitan dan statistik menerusi pelbagai peranti termasuk Kiosk StatsDigital yang ditempatkan di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM pada hari ini”.

Selanjutnya, Ketua Perangkawan berkata, “Semenjak tahun 2018, pengunjung StatsDigital telah meningkat saban tahun. Sehingga yang terkini, pengunjung *preview* e-Book penerbitan DOSM adalah sebanyak 733,841, malah daripada jumlah tersebut pengunjung yang memuat turun penerbitan adalah sebanyak 17,549 penerbitan. Selain dalam negara, portal StatsDigital turut diakses oleh pengunjung antarabangsa antaranya termasuk United States, India, Singapura, Hong Kong, dan Jepun”.

Berkenaan penerbitan yang paling popular di kalangan pengunjung di platform StatsDigital, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, “Antara penerbitan tersebut termasuk Indeks Harga Pengguna Malaysia, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, Perangkaan Getah Bulanan Malaysia, dan penerbitan historical seperti Laporan Perumahan Negeri Sabah, 1980 dan Perangkaan Penting Malaysia Barat 1966 dan lain-lain penerbitan”.

Selanjutnya, beliau turut mengulas, “Daripada penerbitan berbentuk digital ini, pihak DOSM maju selangkah lagi dengan membekalkan data siri masa seperti statistik penduduk dari tahun 1970 hingga 2020, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) (dari tahun 1947 hingga tahun 2022), statistik tenaga buruh (tahun 1982 hingga tahun 2022), dan banyak lagi statistik siri masa yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat serta warga akademik, pensyarah dan mahasiswa / mahasiswi” sebagai input untuk melaksanakan pelbagai kajian”.

Mengakhiri kenyataannya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berharap StatsDigital mampu memberi manfaat yang besar kepada warga akademik khususnya para pensyarah dan para mahasiswa / mahasiswi dalam konteks memperoleh sumber rujukan statistik yang bernilai tinggi disamping mempertingkatkan budaya penggunaan data.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (*MyStats Day*) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**  
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**27 OKTOBER 2023**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

## **MEDIA STATEMENT**

### **STATSDIGITAL: DIGITAL INNOVATION OF NATIONAL STATISTICS**

---

SHAH ALAM, 27 OCTOBER 2023 – The Department of Statistics Malaysia has today launched the StatsDigital Kiosk at the Tun Abdul Razak Library, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. The launching ceremony was officiated by The Chief Statistician, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin which was also witnessed by the Top Management of UiTM, lecturers and UiTM students from the College of Computing, Informatics & Mathematics.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "StatsDigital is a project to preserve DOSM publications as national heritage treasures. StatsDigital has converted physical publications and reports into digital forms and integrated them with datasets that are accessible by all levels of users through the StatsDigital portal which can be reached at <https://statsdigital.stats.gov.my>".

He added, "Users outside DOSM, including UiTM academicians can obtain digital copies of publications and data, whether historical publications as early as 1891 to the most recent publications with a total of 3,181 publications archived through the centralized StatsDigital platform. The initiative to digitalize publications started when some earlier publications were only available in physical terms. This situation is feared if those past publications and data will be lost and difficult to access by external users, even by DOSM community".

Commenting further on StatsDigital, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, "In 2022, this StatsDigital project has been improved involving the addition of new modules which are the Other Publishing Module and General Purpose For Other Publish. This

module focuses on publishing DOSM Publications in digital form and is equipped with auto flipbook technology to facilitate users in accessing publications and statistics through various devices including the StatsDigital Kiosk which is located at the Tun Abdul Razak Library (PTAR), UiTM today".

Furthermore, the Chief Statistician said, "Since 2018, StatsDigital visitors were increased every year. To date, there were 733,841 e-Book preview visitors of DOSM publications with 17,549 publications were downloaded by the visitors. Apart from local viewers, the StatsDigital portal is also accessed by international visitors including the United States, India, Singapore, Hong Kong and Japan".

Regarding the most popular publication among visitors on the StatsDigital platform, according to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Among the publications were the Malaysia Consumer Price Index, the Malaysia Population and Housing Census, the Malaysia Monthly Rubber Statistics, as well as historical publications namely the Sabah State Housing Report 1980, the Vital Statistics of West Malaysia 1966 and many more".

Commented further, he added "From this digital publication, DOSM took one step further by providing long series data such as population statistics from 1970 to 2020, Gross Domestic Product (GDP) (from 1947 to 2022), labor force statistics (from 1982 to 2022), and other time series information that can benefited by the people as well as academicians, lecturers and students as an input in their research".

In his conclusion, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin sincerely hopes that StatsDigital will be able to provide great benefits to academia, especially lecturers and students in the context of acquiring high-value statistical references as well as to enhance the data driven culture.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. “Agriculture Census, Key to Agriculture Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
27 OCTOBER 2023**